

10/8/2017

DUA JURNAL UUM PRESS TERIMA TARAF PENYELIDIK... - Noorfauziati Binti Mat Yatim

DUA JURNAL UUM PRESS TERIMA TARAF PENYELIDIKAN TERKINI CREAM 2017

UUM Press

Thu 10/5/2017 4:03 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad <ram@uum.edu.my>; Umisofian Bt Md Yusuf <umisofian@uum.edu.my>; Mohammad Amzari Bin Bakri <amzari@uum.edu.my>;

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



5 Oktober 2017 / 14 Muharram 1439H

Assalamualaikum W.B.T and Salam 1Malaysia!



Dua Jurnal Terbitan UUM Press Terima Taraf Penyelidikan Terkini CREAM 2017

Putrajaya – *Journal of Information and Communication Technology* (JICT) dan *Malaysian Journal of Learning and Instruction* (MJLI) yang diterbitkan oleh UUM Press, Universiti Utara Malaysia telah dipilih sebagai penerima Taraf Penyelidikan Terkini di Malaysia di bawah Skim Galakan Penerbitan (CREAM) bagi 2017.

Penyampaian status CREAM telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi dalam majlis Malaysia's Rising Star Award dan Pemberian Taraf CREAM di Perdana Hall, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 5 Oktober 2017.

Dalam majlis tersebut, Prof. Dr Zulikha Jamaluddin, wakil Ketua Pengarang JICT (Prof. Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud) dan Prof. Dr. Rosna Awang Hashim selaku Ketua Pengarang MJLI telah menerima sijil pengiktirafan berserta hadiah wang tunai. JICT mendapat pengiktirafan kategori Jurnal Malaysia Berprestasi Tinggi diindeks dalam Scopus bagi bidang Sains, Teknologi dan Perubatan dan MJLI kategori Jurnal Malaysia Berpotensi CREAM bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Jurnal JICT telah menerima pengiktirafan ini buat kali kedua dan MJLI kali pertama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* (MJLI) juga telah berjaya diindeks dalam Emerging Source Citation Index (ESCI) dan menjadi antara jurnal yang berpotensi untuk diindeks dalam WoS sedikit masa lagi.

Program Pemberian Taraf CREAM yang diperkenalkan KPT merupakan satu pengiktirafan daripada pihak kerajaan bagi menggalakkan penulisan dan penerbitan hasil penyelidikan sarjana tempatan dalam jurnal yang berwibawa, berpengaruh dan terkemuka di persada antarabangsa.

Selain itu, pemberian Skim Galakan Penerbitan kepada jurnal tempatan ini adalah sebagai satu insentif kepada sidang pengarang jurnal tempatan untuk memperkasa penerbitan jurnal agar dapat diindeks dalam pangkalan data jurnal antarabangsa seperti Web of Science (WoS) dan SCOPUS.

Sehingga kini, UUM menerbitkan 15 jurnal, 7 jurnal diurus terbit oleh UUM Press dan 8 lagi jurnal dari Pusat Pengajian.

"PENERBITAN ILMIAH KEUTAMAAN KAMI"

Pejabat Am Pentadbiran dan Kewangan
UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, MALAYSIA
Tel: +604 928 4795/4796
Faks: +604 928 4792
E-mel: penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>



UUM Consider

UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.